

*SENIUKIR DALAM REKABENTUK SENIBINA
TRADISIONAL MELAYU JOHOR*

Kajian Thesis ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina, Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi syarat mata pelajaran ARC 471 (History of Architecture).

Disediakan oleh :-

Nama : Kamarul Azam B. Selamat
K/P ITM : 87638743
Kursus : Diploma Senibina
Tahun/Semester : 04/08
Sessi : Julai-Disember 1991
Kajian : Kajian Senibina Perancangan
Dan Ukur, ITM Shah Alam

Pengenalan

Penggunaan kayu dalam senibina Melayu Tradisional begitu ketara sekali. Sama ada dari segi struktur hingga kepada kerja-kerja kemasan. Setiap tempat dan daerah mempunyai gaya senibinanya yang tersendiri. Ini termasuklah dalam konteks menghiasi rumah-rumah mengikut kehendak, adat resam mahupun kepercayaan penduduk-penduduk setempat. Kebiasaannya senihiaskan yang lazimnya terdapat dalam senibina Melayu adalah seniukir.

Seniukir bukan sahaja berfungsi sebagai senihiaskan, malah terdapat juga tujuan-tujuan tertentu dari segi penggunaan dan perletakannya dalam sesuatu senibina. Contohnya seniukir berperanan untuk keselesaan dari segi kenyamanan ruang kepada penghuni rumah tersebut. Dengan perletakannya di kerawang-kerawang atas tingkap dan pintu, secara tidak langsung ia berfungsi sebagai liang-liang untuk pengudaraan. Kekisi pada kerawang serba sedikit dapat membantu dan membenarkan pengudaraan di dalam rumah.

Seniukir ini sendiri mempunyai motif-motifnya yang tersendiri. Pada kebiasaannya ia

terbahagi kepada tiga pola utama; iaitu Pola Bujang, Pola Pemidang dan Pola Lengkap. Penggunaannya juga bergantung kepada elemen-elemen yang terdapat pada sesuatu rumah. Di sebalik perletakannya, seniukir ini juga mempunyai maksud-maksud tertentu. Semuanya ini dipengaruhi oleh kepercayaan-kepercayaan serta pantang larang orang-orang Melayu lama.

Namun demikian kebanyakkan motif-motif yang terdapat dalam seniukir ini banyak yang telah dicampur-adukkan dengan pengaruh-pengaruh luar. Pengaruh Hindu umpamanya. Kebanyakkan motif-motif senibinanya lebih berkisar kepada elemen-elemen benda-benda hidup seperti elemen binatang, patung dewa-dewa, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Setelah kedatangan Islam motif benda-benda hidup ini kurang digunakan. Ini adalah kerana motif-motif sedemikian adalah bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai ganti motif-motif yang berunsur alam semulajadi, kaligrafi dan tumbuh-tumbuhan digunakan. Senikhat juga merupakan salah satu daripada seniukir yang dibawa setelah kedatangan pengaruh Islam.

Kini seniukir tidak lagi memainkan peranan yang begitu penting dalam senibina.

Penggunaannya adalah semata-mata sebagai elemen-elemen hiasan sahaja. Namun demikian penggunaan seniukir ini perlulah dikekalkan khususnya dalam rekabentuk-rekabentuk yang dapat memperkenalkan warisan budaya Melayu kepada dunia luar. Ia haruslah dipelihara agar warisan budaya Melayu tidak akan luput di masa-masa akan datang.

Isi kandungan

mukasurat

<i>Penghargaan</i>	i - iii
<i>Sekapur Sirih</i>	iv - vi
<i>Pengenalan</i>	vii - ix
Bab 1 : Seniukir	
i. Pengenalan seniukir	1 - 5
ii. Jenis-jenis Seniukir	5 - 8
iii. Bentuk bunga ukiran	8 - 12
iv. Seniukir sebagai simbol	12 - 23
v. Perletakan seniukir dalam senibina	23 - 29
Bab 2 : Motif Dan Kepercayaan	
i. Jenis-jenis pola	30 - 31
- Pola Bujang	31 - 32
- Pola Pemidang	32 - 33
- Pola Lengkap	34 - 35
ii. Unsur-unsur dalam motif	35 - 42
iii. Motif dan maksud	43 - 48
Bab 3 : Senibina Melayu Johor	
i. Jenis-jenis dan pengaruh luar yang mempengaruhi senibina.	49 - 51
- Rumah Johor Bugis	52
- Rumah Johor Belanda	53
- Rumah Johor Khas	54
- Rumah Johor Campuran	55
- Rumah Johor Melaka	56
- Rumah Perabung Lima	57
- Rumah Bumbung Limas	58
ii. Prinsip-prinsip Senibina Rumah Tradisional Melayu Johor	59 - 74
Bab 4 : Skop Kajian	
(Parit Bugis Jalan Yusuf Muar Johor)	
i. Latar belakang kampung dan kawasan	75 - 77
ii. Ciri-ciri senibina	78 - 72
iii. Penggunaan seniukir dalam senibina	83 - 88